



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AL-HUKMI

PERKARA: HUKUM BERPUASA / MENYAMPUT AIDIL FITRI BAGI SESEORANG YANG BERMUSAFIR KE NEGARA YANG BERBEZA MATLA' DENGAN NEGARA ASALNYA

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai Hukum Berpuasa / Menyambut Aidilfitri Bagi Seseorang Yang Bermusafir ke Negara Yang Berbeza *Matla'* Dengan Negara Asalnya dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Penentuan awal Ramadhan atau awal Syawal serta waktu berhenti sahur dan berbuka puasa bagi sesebuah tempat hendaklah mengikut *matla'*¹ negara di tempat dan waktu seseorang itu berada walaupun negara tempat dia mula berpuasa, berhenti sahur atau menyambut Aidil Fitri berbeza dengan tempat kediaman negara asalnya. Ini berdasarkan sabda Nabi ﷺ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ: صُومُوا لِرُؤْبِتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْبِتِهِ فَإِنْ غَمِيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعُدَدَ.

(رواه مسلم (2379)

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah R.A: Sesungguhnya Nabi S.A.W telah bersabda : Berpuasalah kamu setelah kamu melihat anak bulan (Ramadhan), dan juga berbuka puasalah (beraya) kamu setelah melihat anak bulan (Syawal), sekiranya ia terlindung dari pandangan kamu, maka sempurnakan bilangan hari (bagi bulan Syaaban itu sebanyak 30 hari).*

2. Merujuk pandangan Dr. Muhammad al-Zuhaily dalam isu penentuan berpuasa atau menyambut Aidil Fitri berdasarkan kedudukan *matla'* negara yang berbeza iaitu; "ويتفرع على ذلك أن الشخص إذا كان في البلد الذي رأوا فيه الهلال، ثم سافر إلى البلد الذي لم يروا فيه الهلال ولم يصوموا في اليوم الأول، فيجب عليه أن يوافقهم في الصيام آخرًا في الأصح، وإن كان قد أتم ثلاثين، لأنه بالانتقال إلى بلدتهم صار واحداً منهم فيلزمهم حكمهم، وأن ابن عباس أمر كريباً بذلك، وبالعكس لو سافر شخص من البلد الذي لم ير فيه الهلال إلى البلد الذي رأوا وصاموا قبله، فيجب عليه أن يعيد معهم لأنه صار منهم، سواء أصام ثمانية وعشرين فقط، بأن كان رمضان عندهم ناقصاً فوقع عيده معهم لأن التاسع والعشرين من صومه، ويقضى يوماً في هذه الحالة، لأن الشهر لا يكون أقل من تسعة وعشرين، أم صام معهم تسعة وعشرين بأن كان رمضان تماماً عندهم، ولا قضاء عليه في هذه الحالة لأن الشهر يكون كذلك".²


¹ *Matla'* bermaksud tempat terbit anak bulan. Satu *Matla'* bermaksud kawasan yang berada pada jangka masa waktu terbit dan terbenam matahari serta bulan yang hampir sama, atau lebih mudah difahami, ia bermaksud negara yang berkongsi waktu siang dan malam mereka.

² Ustaz Duktur Muhammad al-Zuhaily, al Mu'tamad fil Fiqh as Syafie, Juzu' 2, Cetakan Kelima Dar al Qalam Dimasyq – 2015 / 1436, hal. 161.

3. Berdasarkan pandangan di atas, seseorang yang bermusafir ke negara yang berbeza awal Ramadhan atau awal Syawal dengan negara asalnya, maka;
 - i) Hari dan waktu berpuasa, berbuka dan menyambut Aidil Fitri hendaklah mengikut ketetapan yang telah dibuat ke atas penduduk setempat di negara di mana dia berada.
 - ii) Hendaklah memastikan jumlah hari puasa Ramadhan pada tahun itu samada 29 hari atau 30 hari. Bagaimanapun, wajib diqadha' puasa sekiranya kurang daripada 29 hari.
 - iii) Sekiranya telah mencukupi 29 hari atau 30 hari sedangkan anak bulan Syawal belum kelihatan di negara tempat dia berada (penduduk setempat belum menyambut Aidil Fitri), maka dia wajib menyertai mereka berpuasa sehingga hari akhir Ramadhan mengikut pandangan yang asah.
 - iv) Sekiranya dia berada di negara yang puasa Ramadhan mereka adalah 29 hari sedangkan dia hanya berpuasa 28 hari, maka dia wajib menyambut Aidil Fitri bersama-sama penduduk tersebut kerana dia telah menjadi sebahagian daripada mereka. Bagaimanapun, dia wajib mengqadha' puasa 1 hari untuk mencukupkan 1 bulan yang sekurang-kurangnya 29 hari.
 - v) Namun, jika Ramadhan di negara tersebut genap 30 hari sedangkan dia telah berpuasa 29 hari, maka dia tidak perlu mengqadha puasanya.

Semoga pandangan yang dikemukakan dapat memberi pencerahan kepada mereka yang terlibat dalam situasi ini serta dapat memupuk suasana harmoni dalam masyarakat dengan meraikan pandangan Syarak. Wallahu a'lam

Disahkan oleh;


DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,
DPSS., DSDK., AMK., BCK.
MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

Tarikh: 27 April 2022 bersamaan 25 Ramadhan 1443